

## **Perspektif Hubungan Malaysia – Indonesia: Satu Tinjauan Dalam Kalangan Kepimpinan Belia Indonesia**

Siti Melinda binti Haris<sup>b</sup>, Nurliyana binti Mohd Shazali<sup>b</sup>, Nurul Nadia binti Abu Hassan<sup>b</sup>  
Shaharuddin bin Badaruddin<sup>a</sup>, Mazlan bin Che Soh<sup>b</sup>, Mohammad Nor bin Othman<sup>b</sup>

<sup>a</sup> Universiti Selangor, 45600, Bestari Jaya, Selangor.  
[pmsahar@unisel.edu.my](mailto:pmsahar@unisel.edu.my)

<sup>b</sup> Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi,  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan (Kampus Seremban 3),  
70300, Seremban, Negeri Sembilan.  
[melinda596@ns.uitm.edu.my](mailto:melinda596@ns.uitm.edu.my)  
[yanashazali@ns.uitm.edu.my](mailto:yanashazali@ns.uitm.edu.my)  
[nadia3095@ns.uitm.edu.my](mailto:nadia3095@ns.uitm.edu.my)  
[mazlan3161@salam.uitm.edu.my](mailto:mazlan3161@salam.uitm.edu.my)  
[nor\\_ns2002@yahoo.com](mailto:nor_ns2002@yahoo.com)

---

### **ABSTRAK**

Hubungan Malaysia-Indonesia telah berlarutan sejak sekian lama, sedari era kegemilangan kerajaan Melayu lama di Nusantara sehingga kedua-duanya berjaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1940-50an. Sesungguhnya, persahabatan dalam era moden ini banyak sekali cabarannya dan ianya dihambat dengan pelbagai isu. Masalah tenaga kerja, isu perbatasan, isu kebudayaan dan sebagainya dikenalpasti antara beberapa faktor yang mewarnai hubungan diplomatik kedua buah negara ini. Kajian ini dilakukan menerusi pendekatan kualitatif dan kuantitatif, di mana ianya telah melibatkan 73 orang responden dalam kalangan pemimpin beberapa persatuan belia di Indonesia. Ia meliputi sebahagian bandar-bandar utama di Indonesia seperti Medan, Padang, Jakarta, Bandung, Surabaya dan Banjarmasin dengan proses pengumpulan data telah bermula dari bulan November 2013 dan berakhir pada Ogos 2014. Kajian ini telah mengenalpasti persepsi serta pandangan kepimpinan belia Indonesia terhadap isu yang pada pendapat mereka kerap kali menghantui hubungan ini dan perlu diberikan perhatian. Beberapa cadangan turut diberikan bagi menyuburkan akar hubungan ke dua rumpun ini.

**Kata kunci: Hubungan diplomatik, Malaysia-Indonesia, perspektif, kepimpinan, belia.**

### **ABSTRACT**

*Malaysia-Indonesia relationship has lasted for a very long time, since the golden era of the old Malay kingdom in the Archipelago, till their independence in the 1940-50s. Indeed, in the modern era, the friendship faced a lot of challenges and it is surrounded by various issues. Labor issues, border disputes, cultural issues etc. have been identified as some of the factors that characterise the diplomatic relations between the two countries. This study was conducted through both qualitative and quantitative approach, involving 73 respondents (i.e. the leaders) from several youth associations in Indonesia. It covered most of the major cities in Indonesia such as Medan, Padang, Jakarta, Bandung, Surabaya and Banjarmasin with the data collection process started in November 2013 and ended in August 2014. This study has identified the perceptions and views of Indonesian youth leaders on issues that are oftenly distressing the relationship and should be given an attention. Some suggestions were given to nourish the roots of this relationship.*

**Keywords: Diplomatic relationship, Malaysia-Indonesia, perspective, leadership, youth.**

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Malaysia dan Indonesia telah melalui satu fasa hubungan diplomatik yang cukup unik. Jika diteliti kembali dari sudut sejarah, jelas sekali bahawa hubungan yang terjalin di antara dua negara serumpun ini kerap kali diuji dengan pelbagai polemik dan isu. Terdapat pelbagai kajian dilakukan khusus bagi meninjau perspektif hubungan ini antaranya adalah seperti isu tenaga kerja Indonesia di Malaysia (Chin, 1997; Liow, 2003; Bukhory & Ismail, 2007; Che Hashim, 2009; Khadijah Khalid & Shakila Yacob, 2012)), isu kebudayaan seperti tarian pendet (Maksum & Bustami, 2014) serta peranan media massa, NGO dan politik (Bukhory & Ismail, 2007; Khadijah Khalid & Shakila Yaacob, 2012).

Dalam konteks ini, pelbagai sudut pandang bagi mengkaji konteks hubungan di antara kedua-dua buah negara ini telah dilihat. Kajian ini dilakukan setelah menyedari terdapat jurang dalam kajian ini serta mengambil pandangan bahawa generasi belia pada masa kini memainkan peranan yang penting dalam memupuk serta membina hubungan yang lebih mampan pada masa hadapan. Kajian ini juga dilaksanakan dengan hasrat untuk mendalami dan memahami perspektif pemikiran di kalangan pemimpin-pemimpin beberapa persatuan belia meliputi beberapa konteks dan sudut berbeza meliputi hubungan diplomatik kedua-dua negara berjiran.

Bagi mencapai matlamat tersebut, objektif kajian ini adalah untuk meneroka secara mendalam dan meneliti persepsi dan pandangan para pemimpin belia Indonesia terhadap hubungan antara negara Indonesia dan Malaysia berhubung dengan pelbagai isu yang timbul berkaitan antara dua negara ini. Ia adalah terbahagi kepada isu-isu yang diklasifikasikan di bawah isu ekonomi, sosial dan politik. Manakala, objektif-objektif khusus kajian ini adalah meliputi tiga iaitu; a) untuk melihat sejauh mana sikap pemimpin belia Indonesia terhadap isu-isu yang timbul; b) untuk mengenalpasti isu utama yang menjadi tumpuan pemimpin belia Indonesia; dan c) untuk mengenalpasti faktor-faktor perbezaan sikap pemimpin belia Indonesia terhadap isu-isu yang timbul. Artikel ini dibahagikan kepada beberapa seksyen iaitu dimulakan dengan sorotan karya, diikuti perbincangan mengenai metodologi, dapatan serta perbincangan kajian dan cadangan. Di akhir artikel, kesimpulan terhadap keseluruhan kajian ini akan dilakukan.

## SOROTAN KARYA

Gaya kepimpinan dan personaliti berkait rapat dengan keperluan para pemimpin untuk mencapai matlamat dalam arena politik tempatan, penggubalan dasar dan juga dalam hubungan antarabangsa (Khadijah & Shakila, 2012). Ini bermaksud seorang pemimpin dibentuk oleh sifat keperibadian beliau dan cara-cara untuk menyakinkan orang lain dalam menerima idea-idea beliau. Perkara ini bukan sahaja dapat dilihat di dalam negara tetapi juga di peringkat global. Oleh itu, adalah penting bagi seorang pemimpin untuk menggerakkan rakyatnya ke arah memahami dan menerima masyarakat di negara lain seadanya. Apa jua tindakan yang diambil atau apa jua pernyataan lisan yang dibuat oleh pemimpin boleh menyebabkan masyarakat bertindak di luar batas yang sepatutnya.

Konfrontasi Malaysia atau “Ganyang Malaysia” menandakan permulaan pemimpin menunjukkan reaksi dan tindak balas terhadap peristiwa yang berlaku di Malaysia dan

Indonesia. Konotasi negatif yang digunakan oleh Sukarno seperti “Ganyang Malaysia” telah mencetuskan kemarahan dalam kalangan rakyat di kedua-dua negara dan ia menyebabkan tindakan ketenteraan telah diambil oleh kerajaan Malaysia untuk menghalang kemaraan gerombolan gerila Indonesia (Mohd. Noor, 2013; Rencana - Arkib, 2011). Hal ini membuktikan bahawa perkataan yang diucapkan oleh pemimpin peringkat tinggi dalam kalangan masyarakat boleh mempengaruhi rakyat dari segi persepsi dan tindakan mereka. Selain dari ucapan pemimpin, pihak media mungkin juga terlalu menekankan kata-kata pemimpin mengenai isu-isu sehingga rakyat menjadi resah dan bertindak secara melampau. Demonstrasi yang dijalankan oleh rakyat Indonesia di hadapan kedutaan Malaysia contohnya adalah disebabkan oleh isu-isu yang sentiasa dimainkan oleh pihak media. Menurut Ardian Umam, seorang aktivis untuk Jemaah Shalahuddin Indonesia, media tempatan cenderung untuk memanipulasi isu untuk menjadikannya kontroversi dan menarik perhatian kumpulan-kumpulan tertentu untuk melakukan demonstrasi (Saharudin, 2012).

Secara keseluruhannya, peranan media adalah penting dalam menyesuaikan maklum balas mana-mana pemimpin terhadap sesuatu isu yang berlaku. Konotasi, kata-kata dan tindakan pemimpin boleh mempengaruhi masyarakat yang bergantung pada media untuk mendapatkan maklumat yang terkini.

Bibit-bibit pertelagahan antara dua buah negara ini bermula daripada ketidaksukaan penduduk Indonesia kepada Malaysia apabila terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957, sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Pada masa itu, hubungan kedua-dua belah pihak masih berada dalam keadaan yang baik. Namun situasi dilihat mula berubah apabila Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pertama mengumumkan pembentukan Negara Malaysia pada 16 September 1963. Negara baru ini yang melibatkan penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura (dikeluarkan dari Persekutuan pada tahun 1965) ternyata telah mendatangkan kemarahan dalam kalangan kepimpinan Indonesia pada masa tersebut. Penentangan dari pihak Indonesia semakin menjadi-jadi akibat dari pemerintah Indonesia pada ketika itu menganggap pembentukan Malaysia sebagai satu alat imperialis barat ataupun “boneka neo-kolonial” sehingga berlakulah gerakan Ganyang Malaysia oleh pasukan komando dari Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI).

Sentimen anti-Malaysia di Indonesia dilihat semakin ketara khususnya pada awal abad ke-21. Fenomena ini boleh dikaitkan terutamanya sebagai reaksi balas terhadap perlakuan-perlakuan yang diterima Tenaga Kerja Indonesia (TKI) di Malaysia, baik di peringkat awam mahupun pada peringkat pentadbiran. Selain itu, keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa, The Hague, Belanda yang memberikan kedaulatan atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan pada 17 Disember 2002 telah menimbulkan kekecewaan di pihak Indonesia, sehingga perkara ini dibawa ke peringkat Dewan Perwakilan Rakyat (DPR).

Ketidakpuasan ini didapati semakin meningkat ketara ekoran daripada beberapa insiden yang pada pandangan Indonesia dilihat sebagai tindakan angkuh oleh Malaysia. Antaranya melibatkan kes perselisihan di blok Ambalat yang memaksa Presiden Susilo Bambang Yudhoyono meminta Tentera Nasional Indonesia (TNI) untuk "menjaga kedaulatan wilayah Indonesia" (2005). Selain itu, isu penggunaan lagu "Rasa Sayang" pada kempen promosi pelancongan Malaysia, dan dakwaan Tarian Barongan (disebut "Reog" di Indonesia) sebagai kesenian asli Malaysia terus menjadi isu (2008), (Wartawarga, 15 April 2012) turut

mencetuskan polemik. Selain isu perbatasan dan budaya, pertelagahan juga berlaku disebabkan beberapa insiden lain seperti isu tenaga kerja Indonesia, isu pembantu rumah Indonesia dan isu sukan. Perbincangan berkenaan adalah seperti berikut:-

**a) Isu Budaya Indonesia - Malaysia - Ketidaksamaan Persepsi**

Malaysia dan Indonesia, punya persepsi yang berbeza, rakyat Malaysia melihat budaya di Malaysia sebagai warisan sesuatu suku yang tinggal di dalam negara dan budaya mereka diiktiraf oleh kerajaan manakala dari sudut pandang rakyat Indonesia adalah mereka menganggap budaya yang ada di Malaysia telah wujud di negara Indonesia yang tidak seharusnya di katakan hakmilik kerajaan Malaysia.

Ekspresi ketidaksukaan terhadap Malaysia dinyatakan dalam berbagai cara. Demonstrasi telah diadakan di hadapan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, khususnya setelah tragedi/krisis di Ambalat terjadi. Protes dari Indonesia mengenai lagu *Rasa Sayange* yang menyatakan bahawa ianya berasal dari Indonesia. Begitu juga dengan beberapa isu kecil seperti makanan umpamanya satay serta senjata tradisional seperti keris yang turut menjadi bahan utama/subjek utama sebagai perselisihan ini, serta batik lalu timbullah frasa negatif "Malingsia" yang menyatakan orang Malaysia hanya tahu mencuri karya seni dan budaya orang Indonesia.

**i) Isu Lagu "Rasa Sayang" vs "Rasa Sayange"**

Rasa Sayang ialah sebuah lagu rakyat dalam bahasa Melayu yang popular di Indonesia, Malaysia dan Singapura. "Rasa Sayang" agak mirip dengan Dondang Sayang dan banyak lagi lagu Melayu lain yang digubah dalam bentuk pantun, salah satu bentuk puisi tradisional Melayu. Ada pendapat yang mengatakan lagu ini berasal dari Ambon, Maluku, Indonesia . Bagaimanapun dakwaan ini diragukan kerana bahasa Melayu dan tradisi berbalas pantun bukan berasal dari Maluku, tetapi dari lingkungan budaya Melayu itu sendiri.

Lagu ini digunakan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia untuk mempromosikan Malaysia, yang dikeluarkan sekitar bulan Oktober 2007. Menteri Pelancongan Malaysia, Tengku Adnan Tengku Mansor menyatakan bahawa lagu Rasa Sayang merupakan lagu kepulauan Nusantara dan milik bersama rumpun Melayu di Indonesia dan Malaysia. Gabenor Maluku Karel Albert Ralahu pula berkeras bahawa lagu "Rasa Sayange" adalah milik Indonesia, kerana merupakan lagu rakyat yang telah membudaya di negara itu sejak lama dahulu, dan mendakwa Malaysia mengada-adakan kisah itu. Gabenor berusaha untuk mengumpulkan bukti kukuh bahawa lagu Rasa Sayange merupakan lagu rakyat Maluku.

Sebaliknya, Menteri Pelancongan Malaysia, Tengku Adnan Tengku Mansor menyatakan bahawa rakyat Indonesia tidak boleh membuktikan bahawa lagu Rasa Sayange merupakan lagu rakyat Indonesia, dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, Datuk Seri Dr Rais Yatim mencabar mana-mana pihak di Indonesia membuktikan siapa penciptanya dan memberikan buktinya (Utusan Malaysia, 2007). Bagaimanapun, bukti tersebut akhirnya ditemui. 'Rasa Sayange' diketahui dirakam pertama kali di Indonesia oleh PT Lokananta, Solo, Indonesia pada 15 Ogos 1962. Bagaimanapun, Malaysia menyatakan

bahawa lagu tersebut telah lebih dulu digunakan dalam filem Melayu *Rasa Sayang Eh* yang diterbitkan pada tahun 1959, dan juga dinyanyikan dalam satu babak filem *Antara Dua Darjat* (1960) arahan Allahyarham Tan Sri P.Ramlee.

## **ii) Isu Tarian Tor-tor dan Tarian Pendet**

Masalah ini timbul ekoran dari salah faham berikutan kenyataan bekas Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, Datuk Seri Dr Rais Yatim yang mengatakan Tarian Tor Tor dan paluan Gordang Sambilan (sembilan gendang) masyarakat Mandailing akan diiktiraf sebagai satu cabang warisan negara Malaysia. Beliau menyatakan seni tarian Tor-Tor dan Gordang Sambilan masyarakat Mandailing itu akan didaftarkan mengikut Seksyen 67 Akta Warisan Kebangsaan 2005, dengan syarat masyarakat Mandailing mesti mengadakan pertunjukan berkala iaitu tarian dan paluan gendang di pelbagai pertunjukan di khalayak ramai.

Manakala menurut Indonesia tarian tersebut dari segi sejarah adalah hak suku kaum Mandailing dari Sumatera Utara (Hanif, 2012). Isu berkaitan tarian pendet bermula apabila pihak media massa tempatan (Indonesia) membuat tuduhan menyatakan Malaysia sengaja mencuri kebudayaan Indonesia untuk melariskan pelancongan sendiri. Ekoran kontroversi tersebut, berlaku demonstrasi bantahan di Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta selain panggilan bom palsu dan bendera Jalur Gemilang dibakar.

Mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan di dalam kenyataan beliau dalam Utusan Malaysia (3 September 2009), di mana klip video 30 saat yang sebahagian kecilnya memaparkan Tarian Pendet diterbitkan oleh *Discovery Networks Asia-Pacific* dan tidak ada kena mengenai dengan pihak berkuasa di Malaysia. Penerbit tersebut telah menjelaskan keadaan sebenar dan telah memohon maaf kepada kerajaan Indonesia berhubung perkara tersebut dan penerbit dokumentari berkenaan telah menjelaskan situasi sebenar melalui sepucuk surat kepada Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Indonesia, Jero Wacik. Isu berkaitan telah dapat ditangani, bagaimanapun tanggapan para penduduk dan belia masih mempunyai pelbagai andaian berhubung isu berkaitan kebudayaan antara negara ini (Utusan Malaysia, 2009).

## **b) Isu Tenaga Kerja Indonesia**

Isu tenaga kerja Indonesia menjadi punca ketegangan antara rakyat Malaysia dan Indonesia. Kemasukan tenaga kerja asing terutamanya warga Indonesia di Malaysia adalah merupakan jumlah yang paling banyak berbanding dengan negara-negara lain seperti Filipina, Thailand, dan Brunei Darussalam. Keadaan ini berlaku kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun (Bukhory dan Ismail, 2007).

Tenaga kerja Indonesia amat diperlukan di dalam beberapa sektor seperti pekebunan, penternakan, perladangan, perkhidmatan, pembinaan, perindustrian dan pembantu rumah (Utusan Malaysia, 2007). Kemasukan mereka adalah secara rasmi dan haram. Namun, jumlah tenaga kerja Indonesia secara haram adalah dijangka lebih ramai berbanding secara rasmi kerana bilangan mereka tidak dapat dipastikan. Sehingga kini masih banyak di antara mereka yang memasuki Malaysia dengan cara haram walaupun pelbagai usaha membanteras



dijalankan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia. Semenjak akhir Januari 2002, operasi pencarian, pengejaran, penahanan dan penangkapan terhadap pekerja serta pendatang haram telah dijalankan secara besar-besaran oleh pihak Polis Diraja Malaysia (Bukhory dan Ismail, 2007).

Menurut Bukhory dan Ismail (2007) juga, kemasukan mereka mendatangkan pelbagai kebaikan dan juga keburukan. Dari segi keburukan, timbul pelbagai masalah sosial seperti pergaduhan, rompakan, seksual dan mengatasi peluang pekerjaan untuk warganegara Malaysia dalam sektor tertentu. Dewasa ini kita lihat begitu banyak masalah sosial yang semakin berleluasa di kalangan rakyat tempatan dengan tenaga kerja Indonesia ini. Kes pembakaran bendera yang pernah berlaku juga boleh dikatakan satu anasir buruk di Malaysia.

Manakala kebaikan pula meningkatkan taraf ekonomi negara. Penglibatan pekerja asing tidak menyekat peluang pekerjaan pekerja tempatan, malah ia dapat membantu dalam membangunkan ekonomi negara. Hal ini adalah kerana, kebanyakan pekerja asing terlibat dalam sektor yang memerlukan tenaga kudrat atau kategori yang dianggap kotor, bahaya dan sukar dan tidak diminati oleh rakyat tempatan (Che Hashim, 2009). Selain itu juga, bilangan pekerja asing yang banyak menandakan bahawa sebenarnya negara kita amat bergantung kepada buruh asing dalam proses pertumbuhan dan pembangunan negara. Tanpa sumbangan buruh asing, terutamanya dalam sektor pembinaan, pembuatan, pertanian dan perkhidmatan pembantu rumah, ekonomi negara tidak dapat berkembang dengan cepat. Walau bagaimanapun, kedatangan pekerjaan asing boleh mendatangkan faedah kepada negara asal mereka dan juga kepada negara penerima seperti Malaysia. Negara asal dapat mengurangkan kadar pengangguran dan kadar "*under employment*" dan mendapat tukaran wang asing, manakala negara penerima mendapat pekerja untuk menampung kekurangan pekerja dalam sektor-sektor ekonomi tertentu seperti sektor pertanian, pembinaan, kilang dan perkhidmatan (Che Hashim, 2009).

Menurut Hamzirwan (2014) terdapat 6.5 juta Tenaga Kerja Indonesia (TKI) yang bekerja di luar negara. Hampir separuh tidak mempunyai dokumen rasmi, manakala yang menjadi pembantu rumah hidup terasing dalam rumah majikan dan mengalami pelanggaran hak asasi manusia dan terdedah kepada eksploitasi.

TKI dikatakan sebagai penyumbang besar dana negara. Malaysia dan Arab Saudi yang menjadi tumpuan utama TKI menyumbang tenaga yang besar. Secara rasminya di Malaysia terdapat 2.5 juta TKI dan 1.5 juta di Arab Saudi. Dekatnya dari segi geografi dan persamaan bahasa menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama seperti berkhidmat sebagai amah, buruh pembinaan dan juga buruh di perladangan kelapa sawit.

Penghasilan TKI di Malaysia mampu menghasilkan remitansi sejumlah US 1.5 billion dolar. Kepentingan penghasilan TKI kepada ekonomi wilayah tidak boleh diketepikan. Ia menjadi penyumbang besar kepada ekonomi kampung di mana ia dijadikan sebagai proses membayar hutang atau menebus sawah. Rumah kekal berjaya dibina disamping pembelian modal untuk motor selain daripada tumbuhnya industri kecil seperti salon dan juga bengkel-bengkel kecilan. Dana sedemikian rupa boleh memacu pertumbuhan ekonomi wilayah.

Dalam aspek yang lain, dana remitansi TKI telah berjaya menyelamatkan perekonomian wilayah. Pertumbuhan ekonomi wilayah tetap positif walaupun terdapat krisis kewangan

global. Ia ditunjukkan apabila berlakunya krisis kewangan 2008, tetapi ekonomi Indonesia tetap berkembang. Begitu juga krisis global 2012 dan pertukaran kewangan yang negatif dalam tahun 2013 diselamatkan oleh aliran remitansi TKI yang berjaya menstabilkan ekonomi Indonesia (Hamzirwan, 2014).

**c) *Isu Pembantu Rumah Indonesia***

Umum mengetahui bahawa isu pembantu rumah merupakan satu isu yang boleh menggugah hubungan erat antara kedua-dua negara ini. Bayaran gaji pembantu hangat diperdebatkan di Malaysia mahupun Indonesia. Pertelingkahan mengenai bayaran gaji minima dan juga isu penderaan pembantu rumah Indonesia telah mencetuskan reaksi kurang pelbagai pihak di kedua-dua negara.

Isu bayaran minima bagi menggaji pembantu rumah Indonesia mulai hangat apabila akhbar-akhbar tempatan melaporkan hasil perbincangan Pasukan Petugas Bersama (JTF) Malaysia-Indonesia mengenai pengambilan, penempatan dan perlindungan pembantu rumah Indonesia dan majikan Malaysia pada 15 Mac 2012. Menurut Ketua Pengarah Pembinaan dan Penempatan Tenaga Kerja, Kementerian Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia, Dr Reyna Usman, berkata pembantu rumah Indonesia yang bekerja di sini akan dibayar dengan gaji minima sebanyak RM700 bagi satu tugas khusus yang dilakukan. Terdapat empat pengkhususan yang dipersetujui iaitu tugas sebagai tukang masak, pengemas rumah, pengasuh bayi dan penjaga orang tua (BERNAMA, 2012). Perkara ini dipertahankan oleh Menteri Penasihat Kedutaan Indonesia, Suryana Sastradiredja. Beliau menegaskan bahawa seorang pembantu rumah hanya akan melaksanakan satu tugas yang khusus sahaja. Sekiranya majikan meminta pembantu rumahnya melaksanakan lebih dari satu tugas, satu perjanjian perlu dibuat di antara majikan dan pembantu rumah, yang mana ianya termasuklah bayaran tambahan bagi setiap tugas (Ruzy Adila, 2012).

Walau bagaimanapun, kenyataan Dr Reyna Usman disanggah oleh kerajaan Malaysia yang tidak memersetujui syarat tersebut. BERNAMA (2012) melaporkan bahawa kerajaan Malaysia tidak meminda sebarang perkara sepertimana yang termaktub dalam memorandum persefahaman (MoU) berkenaan Pengambilan dan Penempatan Pembantu Rumah Indonesia. Menurut Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan berkata, MoU tersebut kekal dan perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak. Pandangan Datuk Maznah Mazlan turut dipersetujui oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam yang mengatakan bahawa hasil perbincangan JTF tidak menggambarkan persefahaman yang dicapai sebelum ini. Menurutnya lagi, satu perbincangan semula akan diadakan di Jakarta berkenaan dengan 'permintaan' kerajaan Indonesia itu.

Selain dari isu bayaran gaji minima, isu penderaan pembantu rumah Indonesia juga seperti tidak berkesudahan. Pada bulan September dan Oktober 2012, sebanyak dua kes terbaru dilaporkan di dada akhbar. Kedua-dua kes ini berlaku di Johor, yang mana mereka didera oleh majikan lantaran ketidakpuasan hati majikan terhadap kerja yang dilakukan oleh mereka (Sinar Harian, 2012). Kes-kes penderaan pembantu rumah Indonesia mulai mendapat perhatian kerajaan kedua-dua negara apabila kes penderaan terhadap Nirmala Bonat pada tahun 2004. Sehubungan dengan kes-kes penderaan yang berlaku, pembekuan sementara pengambilan pembantu rumah dari Indonesia dilaksanakan pada 26 September 2009, yang

kemudiannya ditarik balik pada bulan November 2011 berikutan persepakatan yang dicapai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono pada pertemuan di Lombok, Nusa Tenggara Barat pada Oktober dan di Bali pada November tahun lalu (Utusan Malaysia, 2012). Melihatkan kepada langkah pembekuan ini, kes-kes penderaan pembantu rumah Indonesia hanya akan mengeruhkan hubungan baik kedua-dua negara ini.

#### **d) Isu Sukan**

Ketegangan hubungan Indonesia-Malaysia dilihat semakin meruncing apabila isu dalam aktiviti sukan antara negara juga telah dijadikan penyebab pertelingkahan antara dua negara ini. Hakikatnya, isu ketegangan dalam sukan telah berlaku sejak dulu lagi. Provokasi dapat disaksikan dalam perlawanan sukan badminton yang dahulunya diungguli oleh Indonesia. Pada tahun 2004, Indonesia berjaya mengungguli sukan badminton di dunia dimana Taufik Hidayat telah menjuarai acara badminton Sukan Olimpik di Athens (Berita Harian, 2010). Kejayaan tersebut menyebabkan mereka angkuh dan sombong terhadap pesaing terdekat mereka, iaitu Malaysia. Namun begitu, setelah kebangkitan Malaysia dalam sukan badminton, mereka seolah-olah tidak dapat menerima hakikat yang kedudukan mereka dalam arena sukan badminton dicaras oleh pasukan Malaysia. Penyokong Indonesia cuba untuk menidakkan kredibiliti pemain Malaysia khususnya Dato' Lee Chong Wei. Oleh yang demikian, setiap kali terdapat perlawanan badminton antara Indonesia dan Malaysia, pasti ada penyokong-penyokong dari kedua-dua buah negara yang bersorak mengejek dan mempersenda antara satu sama lain.

Ketegangan antara Indonesia-Malaysia bertambah teruk apabila prestasi pasukan bola sepak Malaysia melonjak naik. Insiden perbalahan penyokong jelas dilihat semasa sukan SEA 2011 dan perlawanan bola sepak Piala Suzuki AFF. Majoriti penyokong Malaysia menganggap penyokong Indonesia terlampau fanatik dan mempunyai semangat kenegaraan yang jitu sehinggakan mereka sanggup bersesak-sesak untuk menyaksikan perlawanan akhir di Stadium Gelora Bung Karno, Indonesia. Disebabkan sentimen itu, terdapat dua penyokong Indonesia telah terkorban akibat berasak-asak untuk menyaksikan perlawanan tersebut. Beberapa penyokong lain juga telah tercedera dan koma berikutan insiden tersebut (Berita Harian, 2011). Provokasi bukan sahaja berlaku dalam kalangan penyokong tetapi juga terhadap pemain Malaysia semasa perlawanan akhir itu juga. Akibatnya, pemain Malaysia terpaksa dibawa ke Stadium Gelora Bung Karno menaiki kereta perisai barracuda (BERNAMA, 2011). Ini membuktikan betapa seriusnya provokasi penyokong Indonesia terutamanya belia Indonesia terhadap pemain bola sepak Malaysia.

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian ini adalah kajian penerokaan (*exploratory research*) di mana penyelidik berhasrat mendapatkan reaksi dan tanggapan dalam kalangan kepimpinan persatuan belia Indonesia terhadap isu-isu yang melingkari hubungan diplomatik kedua buah negara. Pendekatan penyelidikan ini adalah secara *mixed-method* iaitu kuantitatif menerusi borang soal selidik serta kualitatif (menerusi temubual, *Focus Group Discussion* (FGD) dan analisa kandungan). Kajian ini menggunakan kaedah *purposive sampling* kerana khusus



melibatkan kepimpinan belia. Seramai 73 orang responden telah terlibat dalam kajian ini, yang meliputi sebahagian bandar-bandar utama di Indonesia seperti Medan, Padang, Jakarta, Bandung, Surabaya dan Banjarmasin. Proses pengumpulan data telah bermula dari bulan November 2013 hingga Ogos 2014.

Responden kajian ini terdiri daripada pemimpin belia atau 'pemuda' (dalam Bahasa Indonesia) yang berusia di antara 18 - 35 tahun (Kementerian Pemuda Indonesia; dipetik oleh Naafs & White, 2012). Pertubuhan belia yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti Laskar Merah Putih; Pemuda Pancasila, Indonesia United, Gerakan Mahasiswa Nasional Indonesia, Liga Mahasiswa Nasional untuk Demokrasi, Badan Eksekutif Mahasiswa, Pusat Pelayanan Terpadu Pemberdayaan Perempuan dan Anak Provinsi Jawa Barat, Migrant Care, Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia dan Front Pembela Islam. Namun demikian, terdapat 30% responden yang melewati usia 36 tahun ke atas dan sekiranya mengambilkira definisi belia berdasarkan konteks Malaysia (iaitu sehingga 40 tahun), hanya 15% yang berumur 40 tahun ke atas. Data dari kelompok ini berasaskan kepada andaian bahawa pandangan mereka adalah penting untuk menyokong serta mengesahkan data dari kelompok umur yang lebih muda.

Kaedah paling utama mendapatkan data primer bagi kajian ini dilakukan menerusi borang soal selidik yang dilakukan khusus di kalangan responden yang terdiri daripada kepimpinan belia. Selain temubual, kajian ini juga dijalankan melalui kaedah analisis kandungan (*content analysis*) yang bertujuan untuk mengikuti perkembangan semasa isu-isu yang terlibat. Analisis dilakukan terhadap isu-isu yang dilaporkan di dalam akhbar-akhbar harian dari kedua-dua negara termasuklah Jakarta Post, Kompas, Utusan Malaysia, Berita Harian dan lain-lain. Berita-berita yang disiarkan di kaca televisyen melalui siaran berita serta program ilmiah yang menyiarkan perbincangan tentang isu-isu yang melibatkan kedua-dua negara turut dijadikan sumber untuk input bagi kajian ini.

Manakala instrumen-instrumen yang dibangunkan terbahagi kepada kepada empat seksyen iaitu Demografi (17 soalan), Sikap (11 soalan), Isu Utama (5 soalan) dan Pandangan (9 soalan). Bagi komponen Sikap umpamanya di antara persoalan yang dikemukakan adalah berhubung dengan pandangan responden secara umum tentang Malaysia, pandangan dari segi Isu, sumber dalam mendapatkan isu-isu, faktor perbezaan sikap antara belia ke dua negara, elemen perasaan dalam konteks hubungan ini dan sebagainya. Manakala dalam konteks isu, dikemukakan persoalan apakah isu-isu utama yang melingkari perspektif hubungan Malaysia-Indonesia, serta apakah faktor terhadap teretus isu ini, reaksi balas dan seumpamanya. Manakala bagi komponen terkahir iaitu berhubung Pandangan ditanya tentang cadangan dalam menangani isu, pandangan mereka tentang reaksi kedua-dua anegara dalam menangani isu serta bagaimana peranan NGO serta masyarakat sivil, khusus dikalangan para belia dalam menangani isu ini.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### ***Profil Demografi***

Profil demografi responden adalah seperti di Jadual 1 dibawah. Umumnya 73% atau 53 orang responden adalah lelaki dan bakinya perempuan. Majoriti responden adalah dalam kalangan belia yang berusia antara 18-24 tahun (45%).

Jadual 1:  
*Analisis Demografi Responden (n=73)*

<b>Pembolehubah Demografi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Jantina (Jenis Kelamin)</b>		
Lelaki (Laki-laki)	53	73
Perempuan	20	27
<b>Umur (Usia)</b>		
18 – 24 tahun	33	45
25 – 30 tahun	12	16
31 – 35 tahun	6	9
36 tahun dan ke atas	22	30

Sumber: *Kerja Lapangan, 2014*

### **Respon Terhadap Isu (Individu)**

Seramai 10 responden (13.69%) menyatakan mereka tidak gembira atau tidak suka dengan senario yang berlaku. Pertentangan sikap adalah ketara di kalangan responden di mana terdapat 3 responden (4.1%) berpendapat bahawa isu yang ditimbulkan mempunyai potensi yang besar untuk berpanjangan jika dibiarkan dan tidak ditangani dengan segera oleh kedua belah pihak. Pihak kerajaan sewajarnya memainkan peranan lebih proaktif dalam hal ini dan dipersetujui oleh 3 orang responden (4.1%).

Manakala 5 responden (6.85%) dan 1 responden (1.36%) masing-masing menonjolkan reaksi mereka terhadap isu yang wujud di antara kedua buah negara adalah merupakan suatu bentuk campur tangan dari pihak luar serta satu bentuk neo-kolonialisme. Komunikasi perlu lebih baik serta kerjasama secara bijak merupakan di antara pernyataan sikap yang signifikan dikemukakan oleh para responden dengan 4 orang berpendapat demikian (5.48%).

Di samping itu, terdapat 2 orang responden (2.74%) menyatakan bahawa isu yang timbul dilihat lebih kepada isu politik, manakala 6 responden (8.2%) menyatakan respon mereka betapa isu yang timbul dilihat dalam konteks “perseteruan” di antara kedua buah negara.

Selanjutnya, 7 responden (9.59%) percaya bahawa isu yang berbangkit harus diberikan perhatian serius. Isu yang wujud juga berjaya meningkatkan kesedaran responden terhadap kedaulatan negara dan ia dikongsi oleh 2 responden (2.74%). Terdapat 5 responden (6.85%) percaya bahawa penjelasan lanjut terhadap sesuatu isu adalah perlu dan 3 responden (4.1%) percaya rakyat mempunyai persepsi yang berbeza.

Seterusnya terdapat 18 responden (24.65%) bersikap positif dan beranggapan isu yang berlaku adalah tidak serius dan 4 responden (5.48%) tidak menyatakan sebarang pendirian. Maklumat lanjut berhubung dengan pernyataan sikap pemimpin belia Indonesia terhadap isu adalah sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 2.

Jadual 2:  
*Respon Terhadap Isu (Individu)*

Sikap Terhadap Isu	Kekerapan	Peratusan (%)
Isu yang timbul berpotensi untuk berpanjangan	3	4.1
Campur tangan luar	5	6.85
Isu harus ditangani kerajaan	3	4.1
Harus wujud komunikasi lebih baik serta kerjasama secara bijak	4	5.48
Isu politik	2	2.74
Berseteru	6	8.2
Mendapat perhatian serius	7	9.59
Meningkatkan kesedaran tentang kedaulatan negara	2	2.74
Neo-kolonialisme	1	1.36
Perlu penjelasan lanjut	5	6.85
Persepsi yang berbeza	3	4.1
Tidak serius	18	24.65
Tidak suka	10	13.69

Sumber: *Kerja Lapangan, 2014*

### ***Isu-Isu Utama Tumpuan Kepimpinan Belia Indonesia***

Umumnya, terdapat tiga isu utama yang mendominasi hubungan dua hala antara Indonesia dan Malaysia. Isu budaya didapati menjadi perhatian dalam kalangan 37.7% responden. Antara isu yang berkaitan budaya adalah perakuan hakmilik budaya tertentu seperti tarian tor-tor, tarian pandet dan masakan rending, sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Selanjutnya adalah melibatkan isu perebutan wilayah. Konflik perebutan wilayah merekodkan peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 26.3%. Konflik persempadanan kawasan perairan seperti Ambalat, Ligitan dan Sipadan menjadi salah satu isu penting bagi mereka.

Sebagai contoh, meski pun pertikaian terhadap kedaulatan Pulau Sipadan dan Ligitan di antara kedua-dua buah negara telah diselesaikan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), The Hague pada bulan Disember 2012, dengan keputusannya berpihak kepada Malaysia, namun berdasarkan kajian ini, ianya menjadi “duri dalam daging” dalam kalangan pimpinan belia yang ditemubual. Bagi mereka, kerajaan Indonesia telah gagal mempertahankan sesuatu yang telah menjadi hak mereka sekian lama, dan ini membuktikan kegagalan pihak pemerintah dalam memelihara dan mendokong kedaulatan bangsa Indonesia. Jelas sekali isu Sipadan dan Ligitan didapati terus berbekas di hati dan kotak fikiran mereka sekaligus melambangkan kegagalan diplomatik Indonesia terhadap Malaysia.

Manakala isu ketiga paling utama adalah melibatkan Tenaga Kerja Indonesia (17.5%). Isu ini antara lain melibatkan penindasan, penyiksaan serta penderaan terhadap TKI serta dasar dan polisi kerajaan Malaysia yang dilihat tidak adil dan berat sebelah. Manakala lain-lain isu adalah seperti ekonomi (5.2%), sukan (4.4%), migrasi (2.6%), politik (1.7%) dan hak asasi manusia (HAM) (0.9%). Hanya 3.5% sahaja yang tidak memberikan respons. Suatu pemerhatian mendapati isu jerebu yang berlaku saban tahun dan dianggap sebagai isu serantau oleh negara-negara jiran tidak pula mendapat perhatian di kalangan responden. Maklumat lanjut adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3:

*Isu-Isu Utama Yang Menjadi Tumpuan Pemimpin Belia Indonesia*

<b>Isu-Isu Utama</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Budaya	43	37.7
Perebutan Wilayah	30	26.3
Tenaga Kerja Indonesia	20	17.5
Ekonomi	6	5.2
Sukan	5	4.4
Tiada Jawapan	4	3.5
Migrasi	3	2.6
Politik	2	1.7
HAM (Hak Asasi Manusia)	1	0.9

*Sumber: Kerja Lapangan, 2014*

***Pandangan Pemimpin Belia Indonesia Terhadap Kepimpinan Malaysia dan Indonesia***

Menerusi kajian ini pandangan dalam kalangan pemimpin persatuan belia terhadap kepimpinan Indonesia dan Malaysia turut diperolehi. Pandangan responden terhadap bagaimanakah kerajaan Indonesia menangani sesuatu masalah serta isu yang timbul turut ditanya. Terdapat responden yang melihat kerajaan Indonesia lambat menyelesaikan sesuatu isu, kurang sosialisasi, konsolidasi dan sewajarnya harus lebih tegas. Kerajaan Indonesia juga dilihat oleh pemimpin belia Indonesia sebagai bertindak hanya setelah berlaku sesuatu masalah dan gagal mananganinya sebelum isu berkenaan timbul.

Beberapa tindakan perlu diambil secara tuntas oleh pihak Indonesia untuk menangani masalah yang berbangkit di mana ada antaranya yang mencadangkan agar dipatenkan sesuatu hakmilik, menggunakan saluran diplomatik politik, mengesahkan fakta yang disiarkan di media. Pemerintah Indonesia juga dilihat oleh segelintir responden terlalu berkompromi dengan pihak Malaysia dalam penyelesaian isu serta kurang melakukan metode "Damai Resolusi Konflik". Kerajaan Indonesia juga didapati tidak menyentuh pada akar persoalan dan penyelesaian suatu isu dan tidak tuntas.

Manakala dari perspektif Malaysia pula responden menyatakan bahawa Malaysia dilihat menunjukkan sikap mahu "menang", acuh tak acuh, lambat bertindak dan lambat memberikan klarifikasi serta hipokrit dalam menyelesaikan sesuatu isu. Responden berpendapat bahawa pemerintah Malaysia harus lebih bijak dan tidak bersikap dingin dalam mencari solusi terhadap isu dan tidak hanya mahu untung sebelah pihak sahaja. Malaysia dilihat segelintir responden sebagai tidak bertindak sewajarnya dan kerajaan Malaysia dilihat berpendirian agak tegas.

Meskipun demikian terdapat responden percaya bahawa Malaysia cuba mencari penyelesaian dengan cepat namun tidak memberi solusi yang tepat serta agak tertutup sifatnya. Kerajaan Malaysia wajar memberi penjelasan dan menyelesaikan sesuatu isu dengan pantas. Responden juga menyatakan bahawa pihak Malaysia harus mampu menyelesaikan masalah serta meneliti kronologi sesuatu masalah dan bersifat neutral dan objektif. Responden percaya bahawa sesuatu isu lebih mudah diselesaikan jika kerajaan Malaysia lebih terbuka, meskipun kelihatannya sulit untuk dilakukan. Kerajaan Malaysia harus lebih berdiplomasi terutama dalam memberikan komentar terhadap isu berbangkit agar dilihat lebih simpatik.

## CADANGAN

Hasil daripada beberapa siri temubual dan juga perbincangan kumpulan fokus dengan kepimpinan belia berkenaan, maka beberapa cadangan telah dikemukakan dan ia adalah sebagaimana berikut:-

**a) *Mewujudkan komunikasi yang lebih berkesan***

Komunikasi serta hubungan secara langsung perlu dilakukan pada intensiti yang lebih tinggi, khususnya dengan kerajaan Malaysia. Dorongan untuk melakukan suatu bentuk komunikasi yang baik di antara kedua belah pihak akan dapat membantu penyelesaian sesuatu isu dengan lebih tuntas dan bijak. Pelbagai perspektif terhadap isu perlu dihormati dan disinilah pentingnya peranan komunikasi. Latihan dalam aspek komunikasi di kalangan pegawai dilihat amat penting di sini. Salah seorang responden berpendapat bahawa diskusi perlu digalakkan selain dari memupuk sikap saling menghormati, saling menghargai, tidak emosional dan sombong.

**b) *Menubuhkan “Media Center”***

Terdapat juga dikalangan responden yang berpendapat bahawa amat penting dan telah tiba masanya untuk ditubuhkan sebuah “*media center*” yang khusus”. Penubuhan ini dicadangkan bagi menangani secara pantas terhadap isu-isu sensitif yang berbangkit mengenai hubungan dua hala di antara dua buah negara. Sekretariat bagi “*media center*” ini wajar dilengkapi dengan pegawai yang berkaliber.

**c) *Koordinasi/Penyelarasan isu-isu yang lebih baik***

Koordinasi yang baik di antara perlu dipertingkatkan di antara pelbagai pihak dan agensi bagi menangani isu-isu ini. Penyelarasan yang mantap akan membantu penyelesaian terhadap isu dengan lebih tuntas.

**d) *Peranan Media***

Media samada di pihak Indonesia mahu pun Malaysia, dari pelbagai medium samada cetak, elektronik atau pun media sosial perlu memainkan peranan dengan positif dalam menangani serta membicarakan sesuatu isu.

**e) *Mengadakan program-program***

Program-program yang berbentuk hubungan langsung rakyat-rakyat (*people to people*) perlu lebih diberikan perhatian. Program pertukaran pelajar, kebudayaan, filem dan kesenian perlu diperbanyakkan lagi. Program ini harus bersifat menyeluruh (inklusif) dan menepati jangka pendek, sederhana dan panjang.



**f) Memahami dinamika geo politik**

Forum dan perbincangan dalam mengupas serta memahami dinamika geo politik rantau ini khusus yang mempunyai kaitan langsung dengan hubungan Malaysia-Indonesia. Perbincangan dan forum ini wajar melibatkan kalangan pemimpin belia kedua-dua buah negara.

Selain itu, satu “*Focus Group Discussion*” dengan Lembaga Kajian Strategis Bangsa Indonesia (LKSB) telah diadakan pada 26 Ogos 2014 di Jakarta, Indonesia. LKSB merupakan sebuah badan pemikir bebas yang terdiri daripada pelbagai peringkat golongan pemimpin belia.

Terdapat tiga cadangan telah dikemukakan oleh pihak LKSB dalam konteks meningkatkan hubungan dua hala antara dua buah negara ini. Pertama adalah agar pembangunan struktur baru hubungan kebangsaan yang lebih mengutamakan aspek “*people to people*” menerusi mekanisme dialog di antara kedua buah Negara, khusus diperingkat kepimpinan belia. Kedua, LKSB mengingatkan tentang sudah masanya pemerintah kedua-dua negara memberikan ruang seluas-luasnya kepada masyarakat akar umbi kedua negara untuk bersama-sama dalam rangka membangun dan menjalin keharmonian serta perdamaian kedua negara dalam semua aspek berbangsa dan bernegara, baik secara formal mahupun informal.

Selanjutnya, cadangan terakhir dikemukakan Lembaga Kajian Strategis Bangsa (LKSB) sebagai suatu lembaga kajian utama mengenai kebangsaan yang terdiri dari pelbagai komponen dan latar belakang orang muda pergerakan di Indonesia, bersedia menjadi pemangkin kepada pemerintah Indonesia dalam rangka menjalin hubungan antarabangsa khususnya dengan Malaysia.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, sentimen positif masih wujud pada pandangan pemimpin belia Indonesia dalam meneliti isu-isu yang timbul antara Malaysia dan Indonesia. Langkah yang intensif perlu diambil bagi memastikan kelestarian hubungan dua hala Malaysia-Indonesia. Antara yang perlu dilihat adalah dari aspek pengurusan politik dan dasar luar bagi kedua-dua buah negara kerana ianya mampu memberikan kesan yang besar dalam kelangsungan hubungan Malaysia-Indonesia pada masa yang mendatang. Selain itu, peranan pihak elit politik adalah sangat signifikan dalam meneruskan hubungan diplomasi yang baik antara kedua-dua buah negara.

Kajian pada skala lebih besar wajar diadakan pada masa akan datang untuk meninjau persepsi umum masyarakat kedua buah negara selain dari pandangan NGO Malaysia juga perlu disentuh. Program yang lebih berorientasikan jangka panjang serta menekankan pendekatan rakyat kepada rakyat juga perlu digarap.

## **PENGHARGAAN**

*Penyelidik ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbilang terima kasih kepada Institute of Youth Research (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan yang telah membiayai penyelidikan ini.*

## **RUJUKAN**

- AFP. (2011). Dua Peminat Maut Final Bola Sepak Sukan SEA. BH Online, 22 November 2011. Didapati dari <http://www.bharian.com.my/articles/DuapeminatmautfinalbolasepakSukanSEA/Article/>, pada 6 Februari 2013
- Anonymous.* (2007). Buruh asing tidak ancam peluang pekerja tempatan. Parlimen – Utusan Malaysia, 7 Disember 2007. Didapati dari [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1207&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Parli\\_men&pg=pa\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1207&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parli_men&pg=pa_03.htm), pada 5 Februari 2013.
- Anonymous.* (2009). EPG Malaysia-Indonesia bantu erat hubungan – Rais. Dalam Negeri – Utusan Malaysia, 9 September 2009. Didapati dari [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0909&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_15.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0909&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_15.htm), pada 5 Februari 2013.
- Anonymous.* (2010). Taufik Rindu Gelaran Selepas 10 Tahun. BH Online, 20 Mei 2010. Didapati dari <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Taufikrindugelaranselepas10tahun/Article>, pada 6 Februari 2013.
- Anonymous.* (2012). Konflik Indonesia-Malaysia. Student Journalism – Wartawarga, 15 April 2012. Didapati dari <http://wartawarga.gunadarma.ac.id/2012/04/010-konflik-indonesia-malaysia/>, pada 5 Februari 2013.
- Anonymous.* (2012). Kumpulan pertama amah Indonesia sedia berkhidmat. Dalam Negeri – Utusan Malaysia, 3 Jun 2012. Didapati dari [http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0603&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_09.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0603&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm), pada 6 Februari 2013.
- Anonymous.* (2012). Rasa Sayang. Didapati dari [http://en.wikipedia.org/wiki/Rasa\\_sayang](http://en.wikipedia.org/wiki/Rasa_sayang), pada 5 Februari 2013.
- Anonymous.* (2012). Sampai bila hubungan Malaysia-Indonesia. Berita Harian, 11 Mac 2012. Didapati dari <http://www.themalaysianinsider.com/sideviews/article/sampai-bila-hubungan-malaysia-indonesia-berita-harian>, pada 5 Februari 2013.
- Arkib Negara Malaysia. (2013). Perjanjian yang Membawa Kedamaian. Retrieved from [http://www.arkib.gov.my/perjanjian\\_membawa\\_perdamaian](http://www.arkib.gov.my/perjanjian_membawa_perdamaian)
- BERNAMA (2012). Isu pembantu rumah Indonesia ikut persefahaman sedia ada. Terkini – Utusan Malaysia, 16 Mac 2012. Didapati dari [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0316&sec=Terkini&pg=bt\\_34.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0316&sec=Terkini&pg=bt_34.htm), pada 6 Februari 2013.
- BERNAMA (2012). Malaysia: Tiada syor Indonesia gaji amah RM700. Nasional – Sinar Harian Online, 16 Mac 2012. Didapati dari

- <http://www.sinarharian.com.my/nasional/malaysia-tiada-syor-indonesia-gaji-amah-rm700-1.32875>, pada 6 Februari 2013.
- BERNAMA (2012). Pembantu rumah Indonesia jalankan tugas khusus, gaji minimum RM700. Mutakhir – BH Online, 15 Mac 2012. Didapati dari <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PembanturumahIndonesiajalankantugaskhususgajiminimumRM700/Article>, pada 6 Februari 2013.
- BERNAMA. (2011). Skuad Negara Naik Barracuda ke Stadium Gelora Bung Karno. BH Online, November 2011. Didapati dari <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/SkuadnegaranaikBarracudakeStadiumGeloraBungKarno/Article>, pada 6 Februari 2013.
- Bukhory, H. I. dan Ismail, S. (2007). Isu Pendatang Tanpa Izin: Peranan Media Terhadap Kesedaran, Pengetahuan dan Sikap di Kalangan Masyarakat di Malaysia. UiTM: Institut Pengurusan Penyelidikan, Shah Alam.
- Bung, G. (2014). Informal Cultural Meeting “Indonesian Youth Perception toward Indonesia-Malaysia Relationship”. Lembaga Kajian Strategis Bangsa, Indonesia.
- Che Hashim, H. (2009). Buruh Asing di Malaysia: Trend, Kaedah, Kesan, Masalah dan Cara Mengatasinya. Jati, Vol. 14, pp. 119 - 132.
- Chin, B.N.C. (1997). Walls of Silence and Late Twentieth Century Representations of the Foreign Female Domestic Worker: The Case of Filipina and Indonesian Servants in Malaysia. *International Migration Review*. 31(2), 353-385.
- Focus Group Discussion bersama kepimpinan persatuan Belia Indonesia di Jakarta pada 25 Ogos 2014.
- Hamzirwan. (2014). Buruh Migran: Antara Remitansi dan Perlindungan. Tinjauan Kompas: Menatap Indonesia 2014: Tantangan, Prospek Politik & Ekonomi Indonesia. KOMPAS Indonesia.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM). (2012). Kesesuaian Takrifan Umur Belia di Malaysia. Didapati dari <http://onlinesurvey.ippbm.gov.my/index.php?sid=79647&lang=ms>, pada 6 Februari 2013.
- Khadijah, M. K. & Shakila, Y. (2012). Managing Malaysia–Indonesia Relations in the Context of Democratization: The Emergence of Non-State Actors. *International Relations of the Asia-Pacific*, pp.1-33. doi:10.1093/irap/lcr024
- Linda Sunarti. (2013). Menelusuri Akar Konflik Warisan Budaya. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 6(1), pp. 77 – 88.
- Liow, J. (2003). Malaysia’s Illegal Indonesian Migrant Labour Problems in Search of Solutions. *Contemporary Southeast Asia*, 25(1), 44-64.
- Maksum, A. & Bustami, R. (2012). Ketegangan Hubungan Indonesia-Malaysia Dalam Isu Tarian Pendet. *Kajian Malaysia*. 33(2), 41-72.
- Mohd. Noor, M. Y. (2013). Malaysia-Indonesia Relations Before and After 1965: Impact on Bilateral and Regional Stability. Didapati dari <http://www.culturaldiplomacy.org/academy/content/pdf/participantpapers/2013-06-iscdasiapacific/Assoc. Prof. Dr. Mohd. Noor Mat Yazid.pdf>
- Naafs, S. & White, B. (2012). Generasi Antara: Refleksi Tentang Studi Pemuda Indonesia. *Jurnal Studi Pemuda*. Vol. 1(2), pp. 89-106.
- Rencana - Arkib. (26 Januari, 2011). Labis: Konfrontasi Ganyang Malaysia, Ubah Malaysia. Didapati dari Utusan Online: [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0126&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_06.html](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0126&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.html).

- Ruzy Adila, I. (2012). Indonesia: KL setuju satu tugas, gaji RM700. Nasional – Sinar Harian Online, 22 Mac 2012. Didapati dari <http://www.sinarharian.com.my/nasional/indonesia-kl-setuju-satu-tugas-gaji-rm700-1.34164>, pada 6 Februari 2013.
- Saharudin, M. (6 November, 2012). Panas dingin hubungan Malaysia – Indonesia. Didapati dari [http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20121106/re\\_06/Panas-dingin-hubungan-Malaysia---Indonesia](http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20121106/re_06/Panas-dingin-hubungan-Malaysia---Indonesia)
- Sinar Harian (26 September 2012). Amah dakwa dipukul majikan. Didapati dari <http://duniaitu.blogspot.com/2012/09/amah-dakwa-dipukul-majikan.html>, pada 6 Februari 2013.
- Sinar Harian (5 Oktober 2012). Suami isteri didakwa dera amah. Didapati dari <http://duniaitu.blogspot.com/2012/09/amah-dakwa-dipukul-majikan.html>, pada 6 Februari 2013.